



Ruj. Kami : UMS/PEND2.1/100-1/7/2 Jilid 4 (3)

Tarikh : 17 Mac 2016

SEMUA KETUA JABATAN
(Senarai edaran seperti di lampirkan)

Y.Brs. Prof./Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan;

PEKELILING PENDAFTAR:

- 1. BIL. 1/2016: GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN KLINIK PANEL KEPADA PEKERJA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (PINDAAN 2016);**
- 2. BIL. 2/2016: PERATURAN KEMUDAHAN KAD NAMA (BUSINESS CARD) KAKITANGAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (PINDAAN 2016); DAN**
- 3. BIL. 3/2016: PENGUATKUASAAN KADAR DENDA KETIDAK HADIRAN KURSUS/LATIHAN TANPA ALASAN MUNASABAH KEPADA KAKITANGAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH DAN PENAMBAHBAIKAN DASAR LATIHAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini disertakan Pekeliling Pendaftar Bilangan 1, 2 dan 3 Tahun 2016 yang jelas maksudnya mengenai perkara tersebut di atas untuk makluman dan tindakan lanjut pihak Y.Brs. Prof./Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan.

3. Mohon perkara ini dimaklumkan kepada semua kakitangan di J/F/P/I/U/B masing-masing. Pekeliling tersebut boleh dicapai melalui laman web Jabatan Pendaftar (<http://www.ums.edu.my/pendaftar/>).

Segala perhatian dan kerjasama dari pihak Y.Brs. Prof./Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan, dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang ikhlas,

TALIB ABDULLAH SHANI

Ketua
Bahagian Pentadbiran & Governan
Jabatan Pendaftar
b.p. Pendaftar

- s.k.: - Y.Bhg. Prof. Datuk Naib Canselor
- Y.Brs. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Y.Brs. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Y.Brs. Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
- Y.Brs. Pendaftar



Certified to ISO9001 : 2008
Cert. No: AR 3088

SENARAI EDARAN

1. Pemangku Bendahari, Jabatan Bendahari
2. Ketua Pustakawan, Perpustakaan
3. Pengarah UMS-Kampus Antarabangsa Labuan
4. Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah
5. Pemangku Dekan Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan
6. Dekan Fakulti Sains Dan Sumber Alam
7. Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Perakaunan
8. Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni Dan Warisan
9. Dekan Fakulti Kejuruteraan
10. Dekan Fakulti Psikologi Dan Pendidikan
11. Dekan Fakulti Sains Makanan Dan Pemakanan
12. Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan
13. Dekan Fakulti Komputeraan Dan Informatik
14. Dekan Fakulti Pertanian Lestari
15. Dekan Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa
16. Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan
17. Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo
18. Pengarah Institut Penyelidikan Bioteknologi
19. Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi
20. Pengarah Pusat Pengurusan Strategik & Akademik
21. Pengarah Pusat Ko-Kurikulum & Pemajuan Pelajar
22. Pengarah Pusat Jaringan Industri & Komuniti
23. Pengarah Pusat Persediaan Sains dan Teknologi
24. Pengarah Pusat Perakaunan UMS
25. Pengarah Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
26. Pengarah Pusat Kajian Strategik & Keselamatan Sabah
27. Pengarah Pusat Rawatan Warga
28. Pengarah Pusat Pengurusan *EcoCampus*
29. Pengarah Penerbit UMS
30. Pengarah Pusat Luar UMS
31. Pengarah Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan
32. Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi
33. Pengarah Pusat Sukan
34. Pengarah Pusat Islam UMS
35. Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan
36. Pengarah Pusat Alumni
37. Pengarah Pusat Hal Ehwal Antarabangsa
38. Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
39. Ketua Unit Kajian Spesis Marin Terancam
40. Ketua Unit Kajian Bahan Dan Mineral
41. Ketua Unit Penyelidikan Tenaga
42. Ketua Unit Kajian Alga Bahaya
43. Ketua Unit Penyelidikan Rumpai Laut
44. Ketua Unit Penyelidikan Psikologi & Kesihatan Sosial
45. Ketua Unit Penyelidikan Tuberculosis
46. Ketua Unit Kajian Orkid
47. Ketua Unit Penyelidikan Etnografi Dan Pembangunan
48. Ketua Unit Kecerdikan Buatan
49. Ketua Unit Warisan Penyelidikan Borneo
50. Ketua Unit Penyelidikan Perubatan Desa
51. Ketua Unit Kajian Bencana Alam
52. Ketua Unit Penyelidikan Air
53. Ketua Unit Penyelidikan Minyak Sawit Lestari
54. Ketua Unit Keselamatan Dan Kualiti Makanan
55. Ketua Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar
56. Ketua Unit Pembangunan Pelancongan BIMP-EAGA
57. Ketua Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo
58. Ketua Unit Kajian Remote Sensing & Gis
59. Ketua Bahagian Perhubungan Korporat
60. Ketua Bahagian Sumber Manusia
61. Ketua Bahagian Perkhidmatan Akademik
62. Ketua Bahagian Perundangan & Integriti
63. Ketua Bahagian Pengurusan Maklumat
64. Ketua Bahagian Keselamatan
65. Ketua Bahagian Audit Dalam

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : /6 Mac 2016

Bil. 1/2016

Ruj : UMS/PEND2.1/100-1/7/2

GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN KLINIK PANEL KEPADA PEKERJA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (PINDAAN 2016)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan pemakaian pindaan Garis Panduan Perkhidmatan dan Kemudahan Klinik Panel Kepada Pekerja Universiti Malaysia Sabah (Pindaan 2016).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis panduan yang digunakan di UMS adalah Garis Panduan Perkhidmatan dan Kemudahan Klinik Panel Kepada Pekerja Universiti Malaysia Sabah (Pindaan 2014) yang telah dipekelilingkan pada 14 Julai 2014 dan berkuat kuasa pada 29 Mei 2014.
- 2.2 Penambahbaikan garis panduan ini selaras dengan keperluan dan perubahan dari masa ke semasa.
- 2.3 **Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) Bil.1/2016 (Kali Ke-195)** yang bersidang pada **20 Januari 2016** telah bersetuju dengan pindaan garis panduan ini.

3.0 PINDAAN GARIS PANDUAN

- 3.1 Berikut adalah ringkasan pindaan dan tambahan dalam garis panduan:

| Bil | Perkara | Pindaan/tambahan baharu |
|-----|-----------------|--|
| 1 | 1.5 Tafsiran | h) 'Orang Kurang Upaya' bermaksud seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperolehi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada diri dari fizikal atau mental dan sama ada ia berlaku semenjak lahir atau kemudian dari itu. Tanggungan tersebut mesti telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan dan maklumat dikemaskini dalam HR-Online |

| Bil | Perkara | Pindaan/tambahan baharu |
|------------|--|---|
| 2 | 2.1 Kelayakan Perkhidmatan Klinik Panel (Layak) | Pekerja Universiti (Tetap dan Kontrak Pusat, Pinjaman ke UMS**) ** Pekerja Universiti yang dipinjamkan ke agensi luar layak untuk menerima kemudahan klinik panel sebagai penghargaan kepada Pekerja Universiti yang pernah menyumbangkan kepada Universiti. Ianya sebagai persediaan sekiranya agensi yang meminjam tidak menyediakan atau menanggung kemudahan klinik panel kepada Pekerja Universiti. Sekiranya agensi tersebut menyediakan kemudahan klinik panel, Pekerja Universiti boleh memilih samada menggunakan kemudahan klinik panel UMS atau agensi tersebut dan makluman perlu dikeluarkan kepada pihak UMS dan pihak agensi luar. |
| 3 | 2.2 Kelayakan Perkhidmatan Klinik Panel (Tidak Layak) | b) Pekerja yang tidak datang bertugas tanpa kebenaran Ketua Jabatan dengan syarat Ketua Jabatan perlu mengemukakan surat makluman kepada Setiausaha Jawatankuasa Tadbir Urus Klinik Panel untuk tujuan penyekatan kemudahan klinik panel. |
| 4 | 3.1 Kemudahan Rawatan (Rawatan Yang Ditanggung) | 3) Rawatan pesakit luar termasuk suntikan pilihan bagi bayi dan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah. 4) Rawatan Postnatal dan rawatan pencegahan kehamilan (bagi ibu selepas bersalin) hanya boleh diberikan kepada kakitangan selama 42 hari dari tarikh ibu bersalin sahaja dan hanya boleh dituntut secara bayaran balik. 7) Pemeriksaan kesihatan wajib 40 tahun ke atas, melanjutkan pelajaran, penyambungan kontrak dan urusan rasmi ke luar negara bagi pekerja Universiti di Kampus Induk Kota Kinabalu wajib dibuat di Poliklinik UMS atau hospital kerajaan sahaja. Manakala pemeriksaan kesihatan untuk tujuan pemeriksaan wajib 40 tahun termasuk melanjutkan pelajaran dan penyambungan kontrak dan urusan rasmi ke luar negara ke atas bagi pekerja Universiti di Kampus Cawangan dan FPL bolehlah mendapatkan kemudahan tersebut di klinik panel atau hospital kerajaan yang terdekat sahaja. 8) Suntikan imunisasi wajib untuk pekerja Universiti bagi tujuan pengendalian kanak-kanak dan makanan. |
| 5 | 3.2 Kemudahan Rawatan (Rawatan Yang Tidak Ditanggung) | 6) Imunisasi pilihan untuk pencegahan penyakit seperti <i>H1N1, hepatitis, rubella, mumps</i> dan termasuk senarai yang terkini dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran. 7) Imunisasi perjalanan seperti <i>yellow fever vaccines, meningococcal meningitis, taun</i> dan lain-lain. |
| 6 | 4.1.1 Had Rawatan (Kadar Had Rawatan) | <u>Jadual Bil.1</u> Pekerja Universiti (berkahwin termasuk janda,balu,duda, ibu tunggal dan pekerja Universiti yang masih bujang tetapi mempunyai anak angkat yang sah) Had Rawatan Kali Pertama Diri Sendiri Dan Tanggungan - RM2000.00 |

| Bil | Perkara | Pindaan/tambahan baharu |
|------------|---|--|
| | | <p>Jadual Bil.2 Pekerja Universiti (berkahwin dan suami dan isteri sama-sama bekerja di UMS) Had Rawatan Kali Pertama Diri Sendiri Dan Tanggungan – RM3000.00</p> <p>Dikeluarkan dari senarai yang layak Pekerja Sambilan Harian – RM700.00</p> |
| 7 | 4.3 Had Rawatan (Tuntutan Bukan Klinik Panel) | <p>4.3.2 Mana-mana tuntutan dari hospital pakar atau klinik pakar perlu disertakan dengan surat rujukan dari klinik panel atau poliklinik UMS kecuali tuntutan bagi rawatan <i>paedriatik</i> (kanak-kanak bawah 12 tahun) dan <i>antenatal</i> (kes ibu mengandung);</p> <p>4.3.3 Mana-mana tuntutan bagi klinik swasta biasa tidak akan diluluskan bagi jenis penyakit biasa kecuali bagi kes-kes kecemasan yang memerlukan rawatan yang segera. Tuntutan perlu disertakan dengan surat sokongan dari klinik yang berkenaan;</p> <p>4.3.4 Sebarang tuntutan bagi tujuan pemeriksaan darah atau ujian diagnostik perlu disertakan dengan salinan borang arahan (<i>request form</i>) daripada doktor yang mengarahkan pemeriksaan tersebut.</p> |
| 8 | 6.1 Peraturan Pelantikan Dan Penilaian Klinik Panel (Kriteria Pelantikan) | 6.1.3 Mestilah mempunyai kemudahan komputer dan talian jalur lebar kerana semua tuntutan perlu menggunakan Sistem MyHealth. |
| 9 | 6.3.1 Peraturan Pelantikan Dan Penilaian Klinik Panel (Syarat Pelantikan) | <p>d) Sesebuah klinik panel yang dilantik perlu mematuhi kadar siling harga ubat yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti;</p> <p>e) Sesebuah klinik panel yang dilantik tidak boleh sewenang-wenangnya mengeluarkan sijil cuti sakit melebihi dua (2) hari kepada pekerja Universiti.</p> |
| 10 | 6.5 Peraturan Pelantikan Dan Penilaian Klinik Panel (Yuran Pelantikan & Perlanjutan Klinik Panel) | 6.5.1 Setiap klinik yang dilantik sebagai klinik panel akan dikenakan yuran tahunan sebanyak RM250.00 (tidak termasuk GST) sahaja untuk proses pelantikan dan perlanjutan kontrak, penyediaan pelekat Klinik Panel UMS dan perkhidmatan khidmat nasihat dan penyelenggaraan sistem MyHealth. |

- 3.2 Garis Panduan Perkhidmatan dan Kemudahan Klinik Panel Kepada Pekerja UMS (Pindaan 2016) adalah seperti di **Lampiran**.
- 3.3 Maklumat lanjut mengenai garis panduan ini boleh diperolehi di **Bahagian Pentadbiran dan Governan, Jabatan Pendaftaran**.

4.0 PEMBATALAN

4.1 Dengan berkuat kuasa Pekeliling Pendaftar Bil. 1/2016 ini, maka pekeliling berikut adalah **dibatalkan**:

- (i) Pekeliling Pendaftar Bil. 3/2013 : Garis Panduan Perkhidmatan dan Kemudahan Klinik Panel Kepada Pekerja Universiti Malaysia Sabah; dan
- (ii) Pekeliling Pendaftar Bil. 7/2014 : Garis Panduan Perkhidmatan dan Kemudahan Klinik Panel Kepada Pekerja Universiti Malaysia Sabah (Pindaan 2014).

5.0 TARIKH KUAT KUASA

5.1 Pekeliling Pendaftar ini berkuat kuasa mulai dari tarikh diluluskan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) iaitu pada **20 Januari 2016**.

Sekian, Terima Kasih.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,


NO'MAN HJ. AHMAD
Pendaftar

Tarikh : **16** Mac 2016

s.k. Naib Canselor
 Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwai Pelajar & Alumni)
 Fail



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN
DAN KEMUDAHAN KLINIK PANEL KEPADA PEKERJA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(PINDAAN 2016)**

Diluluskan Dalam Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti
Kali Ke-195
(20 Januari 2016)



GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN KLINIK PANEL KEPADА PEKERJA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (PINDAAN 2016)

1.0 PENGENALAN

1.1 Nama

Garis panduan ini dinamakan Garis Panduan Perkhidmatan Dan Kemudahan Klinik Panel Kepada Pekerja Universiti Malaysia Sabah

1.2 Tujuan

Garis panduan ini bertujuan menetapkan perkhidmatan dan kemudahan perubatan klinik panel kepada pekerja dan tanggungan mereka dengan pembayaran yang ditentukan oleh Universiti serta keadaan pentadbiran berkaitan dengannya.

1.3 Tarikh Kuatkuasa

Garis panduan ini berkuatkuasa pada tarikh Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) meluluskan garis panduan ini.

1.4 Pemakaian

Peruntukan-peruntukan dalam garis panduan ini adalah terpakai bagi semua pekerja yang layak.

1.5 Takrifan

Dalam garis panduan ini:

- a) 'Doktor Kerajaan' bermaksud doktor yang berkhidmat dengan mana-mana Hospital dan Klinik Kerajaan.
- b) 'Doktor Panel' bermaksud pengamal perubatan yang didaftar di bawah Akta Perubatan 1971 dan berkhidmat di klinik-klinik panel doktor perubatan.
- c) 'Doktor Swasta' bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dan tidak disenarai atau tidak dilantik sebagai Doktor Panel.

- d) 'Doktor Universiti' bermaksud seseorang pengamal perubatan yang berkhidmat di UMS khususnya di Pusat Rawatan Warga dan Poliklinik UMS.
- e) 'Klinik Panel' bermaksud mana-mana klinik perubatan swasta yang dilantik oleh Universiti untuk memberi rawatan perubatan pesakit luar kepada pekerja Universiti.
- f) 'Pekerja Universiti' bermaksud mana-mana orang yang yang diambil bekerja oleh Universiti di bawah Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah.
- g) 'Pekerja Lantikan Khas' bermaksud pekerja yang diluluskan oleh Senat dan diperakukan lantikannya oleh Lembaga.
- h) 'Orang Kurang Upaya" bermaksud seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperolehi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada diri dari fizikal atau mental dan sama ada ia berlaku semenjak lahir atau kemudian dari itu. Tanggungan tersebut mesti telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan dan maklumat dikemaskini dalam HR-Online.
- i) 'Pesara' bermaksud mereka yang menamatkan perkhidmatan dengan Universiti sama ada atas sebab bersara wajib atau dengan pilihan.
- j) 'Tanggungan' bermaksud isteri atau isteri-isteri atau suami serta anak-anak termasuk anak-anak angkat yang berdaftar di bawah Child Act 1990 dan ibu bapa kandung atau penjaga.
- k) 'Lembaga Perubatan' bermaksud sebuah jawatankuasa yang dilantik oleh Naib Canselor bagi mengkaji dan membuat laporan tentang penyakit yang dihidapi oleh Pekerja Universiti dan membuat syor-syor tertentu.
- l) 'Lembaga' bermaksud Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah.
- m) 'Naib Canselor' bermaksud Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah.
- n) 'Pendaftar' bermaksud Pendaftar Universiti Malaysia Sabah.
- o) 'Stesen Yang Sama' bermaksud satu lingkungan kawasan 25 km dari pejabat atau dari rumah kediaman atau kedua-duanya.
- p) 'Luar Stesen' bermaksud satu lingkungan kawasan di luar 25 km dari pejabat atau dari rumah kediaman atau kedua-duanya dan di dalam malaysia sahaja.
- q) 'Jawatankuasa Tadbir Urus Klinik Panel (JTKP)' bermaksud jawatankuasa yang dilantik oleh Universiti bagi menguruskan hal ehwal berkaitan klinik panel.

2.0 KELAYAKAN PERKHIDMATAN KLINIK PANEL

2.1 Layak

Individu yang layak mendapat perkhidmatan di klinik panel adalah seperti jadual berikut:

| BIL | STATUS LANTIKAN | KELAYAKAN | |
|-----|---|--|---|
| | | DIRI SENDIRI | TANGGUNGJAN |
| 1. | Pekerja Universiti (Tetap dan Kontrak Pusat, Pinjaman ke UMS**) | Layak | <ul style="list-style-type: none"> i. Suami/isteri atau isteri-isteri yang sah ii. Anak-anak yang ditanggung sepenuhnya termasuk anak tiri atau anak angkat yang sah di sisi undang-undang dengan syarat anak itu berumur tidak melebihi 21 tahun kecuali Orang Kurang Upaya (OKU) yang berumur 21 tahun ke atas. iii. Ibu bapa / penjaga yang sah |
| 2. | Pekerja Lantikan Khas | | |
| | i. Ahli LPU | Layak | - |
| | ii. Profesor Adjung | Layak | - |
| | iii. Pemeriksa Luar | Layak (Sepanjang tempoh menjalankan tugas sahaja) | - |
| | iv. Penilai Luar | Layak | - |
| | v. Tenaga Pengajar Pelawat | Layak | - |
| | vi. Felo, Felo Kanan, Felo Utama, Felo Bersekutu, Karyawan Tamu dan Penyelidik Pasca Doktoral | Layak | <ul style="list-style-type: none"> i. Suami/isteri atau isteri-isteri yang sah ii. Anak-anak yang ditanggung sepenuhnya termasuk anak tiri atau anak angkat yang sah di sisi undang-undang dengan syarat anak itu berumur tidak melebihi 21 tahun iii. Ibu bapa / penjaga yang sah |

Jadual 2.1

Nota :

** Pekerja Universiti yang dipinjamkan ke agensi luar layak untuk menerima kemudahan klinik panel sebagai penghargaan kepada Pekerja Universiti yang pernah menyumbangkan kepada

Universiti. Ianya sebagai persediaan sekiranya agensi yang meminjam tidak menyediakan atau menanggung kemudahan klinik panel kepada Pekerja Universiti. Sekiranya agensi tersebut menyediakan kemudahan klinik panel, Pekerja Universiti boleh memilih samada menggunakan kemudahan klinik panel UMS atau agensi tersebut dan makluman perlu dikeluarkan kepada pihak UMS dan pihak agensi luar.

2.2 Tidak Layak

Individu termasuk tanggungan yang tidak layak mendapat perkhidmatan di klinik panel adalah seperti berikut:

- a) Pekerja Universiti yang ditahan atau digantung kerja di bawah Akta 605.
- b) Pekerja yang tidak datang bertugas tanpa kebenaran Ketua Jabatan dengan syarat Ketua Jabatan perlu mengemukakan surat makluman kepada Setiausaha Jawatankuasa Tadbir Urus Klinik Panel untuk tujuan penyekatan kemudahan klinik panel.
- c) Pekerja Universiti yang menamatkan atau ditamatkan perkhidmatan
- d) Pesara
- e) Pekerja Universiti yang sedang mengambil Cuti Tanpa Gaji.

3.0 KEMUDAHAN RAWATAN

3.1 Rawatan Yang Ditanggung

Bayaran perubatan dan rawatan yang akan dibiayai dan dilindungi oleh Universiti di bawah ini adalah seperti berikut:

- 1) Rawatan pesakit luar untuk penyakit-penyakit biasa seperti pada **Lampiran 1**; dan
- 2) Imunisasi wajib untuk bayi dan kanak-kanak seperti yang dijadualkan oleh Kementerian Kesihatan seperti BCG, DPT/OPV, Measles, Hepatitis bayi, dos tambahan untuk DPT/OPV; dan
- 3) Rawatan pesakit luar termasuk suntikan pilihan bagi bayi dan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah; dan
- 4) Rawatan Post natal dan rawatan pencegahan kehamilan (bagi ibu selepas bersalin) hanya boleh diberikan kepada kakitangan selama 42 hari dari tarikh ibu bersalin sahaja dan hanya boleh dituntut secara bayaran balik; dan

- 5) Senarai ujian yang dilindungi untuk keperluan mengenalpasti penyakit sahaja seperti di **Lampiran 2**; dan
- 6) Perkhidmatan *imaging diagnostic* (tidak termasuk CT Scan, MRI dan Echocardiogram) untuk keperluan mengenalpasti penyakit sahaja; dan
- 7) Pemeriksaan kesihatan wajib 40 tahun ke atas, melanjutkan pelajaran, penyambungan kontrak dan urusan rasmi (menghadiri kursus dan lawatan kerja) ke luar negara bagi pekerja Universiti di Kampus Induk Kota Kinabalu wajib dibuat di Poliklinik UMS atau hospital kerajaan sahaja.

Manakala pemeriksaan kesihatan untuk tujuan pemeriksaan wajib 40 tahun termasuk melanjutkan pelajaran dan penyambungan kontrak dan urusan rasmi ke luar negara ke atas bagi pekerja Universiti di Kampus Cawangan dan FPL bolehlah mendapatkan kemudahan tersebut di klinik panel atau hospital kerajaan yang terdekat sahaja.

- 8) Suntikan imunisasi wajib untuk pekerja Universiti bagi tujuan pengendalian kanak-kanak dan makanan; dan
- 9) Bagi pekerja Universiti yang telah disahkan mengidap penyakit kronik (*Diabetic, Hypertension, Heart Disease* dan *Psychiatric Problem*) hendaklah mendapatkan rawatan dan ubat di Poliklinik UMS sekiranya pembiayaan perubatan melebihi daripada jumlah had kelayakan setahun.

3.2 Rawatan Yang Tidak Ditanggung

Bayaran perubatan dan rawatan yang tidak akan dibiayai dan dilindungi oleh Universiti di bawah ini adalah seperti berikut:

- 1) Rawatan untuk penyakit kurang daya tahan penyakit (AIDS) atau komplikasi berkaitan dengan AIDS (AIDS related complex [ARC]); dan
- 2) Terapi tradisional atau alternatif seperti sinseh, akupunktur, homeopati dan bomoh; dan
- 3) Mana-mana rawatan pembetulan termasuk cermin mata atau kanta sesentuh bagi salah bias; dan
- 4) Kecederaan yang disebabkan oleh keadaan tidak waras atau disengajakan (*self inflicted injuries*); dan
- 5) Rawatan untuk menguatkan mental, psikologi dan emosi; dan
- 6) Imunisasi pilihan untuk pencegahan penyakit seperti *H1N1, hepatitis, rubella, mumps* dan termasuk senarai yang terkini dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftar; dan

- 7) Imunisasi perjalanan seperti *yellow fever vaccines, meningococcal meningitis, taun* dan lain-lain; dan
- 8) 'House-calls', rawatan dan penjagaan persendirian; dan
- 9) Rawatan pulih anggota secara pesakit luar atau rawatan fisioterapi termasuk pembelian alat bantuan seperti tongkat ketiak/topang atau kerusi roda; dan
- 10) Rawatan untuk ketagihan dadah, arak atau lain-lain penyakit berjangkit yang perlukan pengasingan atau kuarantine sewaktu kejadian wabak.
- 11) Pemeriksaan dan ujian kesihatan yang diperlukan oleh pihak ketiga bagi tujuan insuran permohonan membawa kenderaan, ujian saringan dan sebagainya.
- 12) Rawatan pembedahan plastik.
- 13) Pembedahan kosmetik.
- 14) Kecederaan atau penyakit akibat dari penglibatan secara langsung di dalam demonstrasi, rusuhan dan kegemparan awam (civil commotion).
- 15) Kecederaan akibat perlumbaan dari apa jenis sekalipun.
- 16) Rawatan untuk penyakit teruk seperti pemindahan organ, terapi erythropoietin dan rawatan renal dialysis pesakit luar.
- 17) Semua jenis vitamin dan krim yang berkaitan dengan kosmetik, makanan tambahan/suplemen, agen Anti Obesiti/Agen Pelansingan, steroid untuk kekuatan dan sebarang produk pembersihan atau kosmetik yang boleh dibeli di kaunter.
- 18) Berkhatan.
- 19) Pemeriksaan kesihatan untuk pekerja baru.

4.0 HAD RAWATAN

4.1 Kadar Had Rawatan

4.1.1 Had rawatan maksimum termasuk penambahan had rawatan bagi pekerja Universiti dan tanggungan adalah seperti berikut:

| BIL | STATUS LANTIKAN | HAD RAWATAN KALI PERTAMA | |
|------------|--|---|------------------------------------|
| | | DIRI SENDIRI | DIRI SENDIRI DAN TANGGUNGAN |
| 1. | Pekerja Universiti (berkahwin termasuk janda,balu,duda, ibu tunggal dan pekerja Universiti yang masih bujang tetapi mempunyai anak angkat yang sah) | - | RM2000 |
| 2 | Pekerja Universiti (berkahwin dan suami dan isteri sama-sama bekerja di UMS) | | RM3000 |
| 3. | Pekerja Universiti (Belum berkahwin) | - | RM1000 |
| 4. | Pekerja Lantikan Khas i. Ahli LPU ii. Profesor Adjung iii. Pemeriksa Luar iv. Penilai Luar v. Tenaga Pengajar Pelawat vi. Felo, Felo Kanan, Felo Utama, Felo Bersekutu, Karyawan Tamu dan Penyelidik Pasca Doktoral | RM 700 RM 700 RM 700 RM 700 RM 700 - | - - - - - RM 2000 |

Jadual 4.1

4.2 Penambahan Had Rawatan

- 4.2.1 Walau bagaimanapun, pekerja dibenarkan untuk memohon penambahan had rawatan untuk diperakurkan oleh jawatankuasa yang dilantik oleh Pendaftar mengikut ketetapan yang telah dipersetujui sekiranya kadar had yang diberikan telah habis digunakan.

4.3 Tuntutan Bukan Klinik Panel

- 4.3.1 Bagi tuntutan kos rawatan selain klinik panel akan menggunakan had rawatan yang sama seperti dalam Jadual 4.1 tertakluk kepada Pekerja Universiti dan Tanggungan yang bermastautin tetap di Malaysia berada di luar stesen dan kawasan tersebut tidak mempunyai klinik panel. Pekerja Universiti perlu mengemukakan Borang Perubatan 1-14A kepada Bahagian Pentadbiran & Governan untuk tujuan tuntutan.
- 4.3.2 Mana-mana tuntutan dari hospital pakar atau klinik pakar perlu disertakan dengan surat rujukan dari klinik panel atau poliklinik UMS kecuali tuntutan bagi rawatan *paedriatik* (kanak-kanak bawah 12 tahun) dan *antenatal* (kes ibu mengandung);
- 4.3.3 Mana-mana tuntutan bagi klinik swasta biasa tidak akan diluluskan bagi jenis penyakit biasa kecuali bagi kes-kes kecemasan yang memerlukan rawatan yang segera. Tuntutan perlu disertakan dengan surat sokongan dari klinik yang berkenaan;
- 4.3.4 Sebarang tuntutan bagi tujuan pemeriksaan darah atau ujian diagnostik perlu disertakan dengan salinan borang arahan (*request form*) daripada doktor yang mengarahkan pemeriksaan tersebut.

5.0 PROSEDUR MENDAPATKAN RAWATAN DI KLINIK PANEL

- 5.1 Bagi tujuan mendapatkan rawatan di klinik panel Universiti yang telah dilantik, setiap pekerja Universiti atau tanggungan hendaklah mengemukakan kad pekerja/kad pengenalan bagi mendapatkan rawatan.
- 5.2 Pekerja Universiti atau tanggungan perlu mengisi dan menandatangani Buku Log Rawatan Perubatan selepas mendapatkan rawatan di klinik panel.
- 5.3 Pekerja Universiti atau tanggungan boleh mendapatkan salinan resit sementara daripada pihak klinik panel untuk tujuan rujukan semasa membuat pengesahan rawatan klinik panel di dalam sistem HROnline.
- 5.4 Pekerja Universiti diwajibkan untuk mengesahkan rawatan klinik panel yang sahih sahaja melalui sistem HROnline. Surat peringatan akan dikeluarkan kepada setiap Pekerja Universiti yang tidak membuat pengesahan rawatan klinik panel melebihi tiga (3) kali berturut-turut dalam setahun.

6.0 PERATURAN PELANTIKAN DAN PENILAIAN KLINIK PANEL

6.1 Kriteria Pelantikan

- 6.1.1 Klinik perubatan yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 6.1.2 Telah beroperasi sekurang-kurangnya 2 tahun dan mempunyai reputasi yang baik.
- 6.1.3 Mestilah mempunyai kemudahan komputer dan talian jalur lebar kerana semua tuntutan perlu menggunakan Sistem MyHealth.

6.2 Kaedah Pelantikan

- 6.2.1 Kaedah pelantikan hendaklah melalui syor Jawatankuasa Tadbir Urus Klinik Panel JTKP yang dilantik oleh Pendaftar dan diperakukan oleh PBPU.

6.3 Syarat Pelantikan

- 6.3.1 Pelantikan sesebuah klinik panel adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:-
 - a) Sesebuah klinik panel adalah dilantik bagi tempoh selama tidak lebih daripada dua tahun bagi setiap pelantikan. Klinik panel yang akan tamat tempoh lantikannya boleh memohon untuk dilantik semula dengan mengemukakan permohonan bertulis kepada Universiti empat bulan sebelum tamat tempoh lantikan semasa;
 - b) Pelantikan sesebuah klinik sebagai klinik panel adalah khusus untuk cawangan yang ditentukan sahaja dan tidak meliputi cawangan – cawangan yang lain;
 - c) Bagi maksud Skim ini, semua doktor yang bertugas di sesebuah klinik panel, termasuk mereka yang mempunyai kelulusan pakar, adalah dianggap sebagai pengamal perubatan umum dan bukan sebagai doktor pakar;
 - d) Sesebuah klinik panel yang dilantik perlu mematuhi kadar siling harga ubat yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti;
 - e) Sesebuah klinik panel yang dilantik tidak boleh sewenang-wenangnya mengeluarkan sijil cuti sakit melebihi dua (2) hari kepada pekerja Universiti.

6.4 Kaedah Penilaian Prestasi

- 6.4.1 Pihak Universiti akan membuat penilaian prestasi perkhidmatan klinik panel melalui kaedah-kaedah seperti berikut;
- a. Edaran Borang soal selidik kepada pekerja
 - b. Mengadakan audit/lawatan berkala ke klinik panel yang dilantik oleh JTKP dan lain-lain kaedah yang ditentukan oleh Jawatankuasa berkenaan.

6.5 Yuran Pelantikan & Perlanjutan Klinik Panel

- 6.5.1 Setiap klinik yang dilantik sebagai klinik panel akan dikenakan yuran tahunan sebanyak RM250.00 (tidak termasuk GST) sahaja untuk proses pelantikan dan perlanjutan kontrak, penyediaan pelekat Klinik Panel UMS dan perkhidmatan khidmat nasihat dan penyelenggaraan sistem MyHealth.
- 6.5.2 Setiap klinik panel yang telah dilantik dikehendaki untuk membayar yuran tersebut selepas inbois dikeluarkan kepada klinik panel.

7.0 PERUNTUKAN AM

- 7.1 Pekerja Universiti hendaklah memberi keutamaan untuk mendapatkan rawatan daripada mana-mana klinik atau hospital yang dimiliki oleh UMS.
- 7.2 Sebarang kes di luar garis panduan ini hendaklah merujuk kepada JTKP.
- 7.3 JTKP boleh membuat keputusan tentang sesuatu kes luar biasa yang tidak dinyatakan secara khusus dalam garis panduan ini atau merujuk terus kes tersebut untuk diputuskan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti.
- 7.4 Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti berhak meminda, mengubahsuai atau membatalkan garis panduan ini mengikut budi bicara.

JENIS-JENIS PENYAKIT BIASA

1. Skin

- 1) Acne
- 2) Athlete's foot (Tinea pedis)
- 3) Atopic dermatitis
- 4) Boil (Furuncle)
- 5) Callous
- 6) Contact dermatitis
- 7) Corns
- 8) Chicken pox
- 9) Cellulitis
- 10) Dandruff
- 11) Dry skin
- 12) Allergic dermatitis
- 13) Eczema
- 14) Urticaria
- 15) Impetigo
- 16) Lice infestation
- 17) Nappy rash
- 18) Perioral dermatitis
- 19) Psoriasis
- 20) Ring worm
- 21) Scabies
- 22) Seborrheic dermatitis
- 23) Shingles
- 24) Skin tag
- 25) Simple laceration wound
- 26) Simple abrasion wound
- 27) Simple incised wound
- 28) Simple puncture wound (nail prick injury)
- 29) Tinea mannum
- 30) Tinea capitis
- 31) Tinea corporis
- 32) Tinea unguium
- 33) Tinea versicolor
- 34) Tinea cruris
- 35) Wound complicated with secondary infection

2. Musculoskeletal

- i. Osteoarthritis
- ii. Arthritis
- iii. Lumbago
- iv. Muscle pull/strain
- v. Wrist sprain
- vi. Ankle sprain
- vii. Ligament strain
- viii. Costochondritis

3. Eye, Ear, Nose and Throat

- Conjuntivitis
- Sty
- Foreign body of the eye
- Chemical injury of eye
- Eyelid cellulitis
- Otitis media
- Otitis external
- Impacted earwax
- Foreign body in earcanal
- Foreign body in nasal cavity
- Vertigo

4. Gastrointestinal tract

- Gingivitis
- Gum abcess
- Stomatitis
- Aphous ulcer
- Oral candidiasis
- Dyspepsia
- Acute gastritis
- Glossitis
- Acute gastroenteritis
- Simple constipation
- Hemorrhoid

5. Gynaecology

- Urinary Tract Infection
- Vaginal candidiasis
- Bacterial vaginosis
- Dysmenorrhoea
- Mild menorrhagia
- Hyperemesis gravidarum
- Threatened miscarriage

6. Respiratory

- Acute nasopharyngitis
- Acute sinusitis
- Acute pharyngitis
- Acute tonsillitis
- Acute laryngitis
- Acute bronchitis
- Acute bronchiolitis
- Allergic rhinitis
- Croup
- Peritonsillar abscess
- Mild Pneumonia
- Chronic obstructive pulmonary disease
- Asthma
- URTI

7. Others

- Hypocholesterolaemia
- Diabetes mellitus
- Hyperthyroidism
- Gout, gouty arthritis
- Hypertension
- Headache
- Migraine

SENARAI UJIAN YANG DITANGGUNG OLEH KLINIK PANEL

1. Full Blood Count (FBC)
2. Blood Group (ABO Rh)
3. Urine Fine Examination and Microscopic Examination (UFEME)
4. Renal Function Test (RFT)
5. Liver Function Test (LFT)
6. Thyroid Function Test (TFT)
7. Blood Glucose (RBS / FBS)
8. Lipid Profile (FLP)
9. HbA1c
10. Serum Uric Acid
11. Serum Calcium
12. Dengue Rapid Test
13. HIV I & II
14. HBsAg
15. BFMP
16. ECG
17. Plain Chest X-Ray
18. Pap Smear